

SOALAN NO: 131

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATUK ROZMAN BIN ISLI

SOALAN:

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah jenis program atau kaedah penyelesaian telah Kementerian rangka supaya kebajikan bekas pekerja syarikat industri hulu atau hiliran petroleum terus terbela akibat daripada penyusutan harga minyak mentah global.

PR-1342-T77256

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Harga minyak mentah mula menunjukkan kejatuhan pada pertengahan Jun 2014, daripada USD115 setong dan diniagakan pada sekitar USD 50 setong pada September 2016. Keadaan ini telah menyebabkan beberapa syarikat yang berkaitan dengan petroleum dan gas terutamanya di peringkat hulu (*upstreaming*) telah

bertindak untuk mengurangkan tenaga kerja masing-masing bagi menjimatkan kos operasi. Mengikut rekod Jabatan Tenaga Kerja (JTK), terdapat sebanyak 88 majikan terlibat dalam tindakan pengurangan pekerja dan 3 majikan terlibat dengan penutupan syarikat dalam sub sektor petroleum dan gas bagi tempoh 2015 hingga September 2016.

2. Berdasarkan statistik, pekerja yang diberhentikan di sub sektor industri petroleum dan gas pada tahun 2015 adalah seramai 1,632 pekerja. Angka ini adalah jauh lebih tinggi berbanding tahun 2014 iaitu seramai 521 pekerja. Manakala pada Januari 2016 hingga September 2016 seramai 835 pekerja telah diberhentikan di dalam sub sektor ini. Dari jumlah 835 pekerja yang dihentikan seramai 509 pekerja telah dihentikan kerja secara biasa manakala 326 orang pekerja pula telah memilih untuk mengambil skim VSS.

3. Tindakan pemantauan secara rapi dan proaktif telah dilaksanakan bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan. Bagi tujuan tersebut, majikan diwajibkan untuk melengkap dan mengemukakan Borang Pemberhentian (PK) dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tindakan pemberhentian dilakukan sebagaimana Seksyen 63 Akta Kerja 1955. Ini adalah bertujuan untuk:

- i) memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang;

- ii) memastikan majikan mengikuti Garis Panduan Pemberhentian Pekerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dalam melaksanakan pemberhentian pekerja; dan
- iii) membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang telah diberhentikan berdaftar dengan portal JobsMalaysia atau meningkatkan kemahiran baru melalui jabatan dan agensi di bawah kementerian.

4. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil tindakan yang drastik berhubung isu pemberhentian pekerja dengan menubuhkan Pusat Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja Peringkat Nasional (POPPK), Pusat operasi bertempat Ibu Pejabat JTKSM, KSM. Pusat operasi di peringkat negeri juga telah ditubuhkan bagi menjalankan pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan.

5. JTK juga selaku Pengerusi Jawatankuasa POPPK peringkat nasional dan di peringkat negeri mengadakan mesyuarat setiap bulan dengan agensi-agensi berkaitan seperti Setiausaha Kerajaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi (EPU), *Malaysian Industrial Development Authority* (MIDA), *Malaysian Employers Federation* (MEF) dan *Malaysian Trade Union Congress* (MTUC) untuk mendapatkan input dan maklumat awal berhubung cadangan penutupan sesebuah syarikat. Selain itu, Jawatankuasa ini juga turut

berperanan untuk menempatkan pekerja-pekerja yang diberhentikan melalui penglibatan pihak Kesatuan Majikan yang turut menjadi Ahli Jawatankuasa.

6. Kementerian telah menubuhkan *rescue team* yang diwakili oleh Jabatan dan agensi di bawah kementerian bagi menangani isu-isu penempatan perkerja-pekerja ke industri yang bersesuaian serta menyelaraskan latihan-latihan kemahiran baru mengikut keperluan majikan yang menawarkan kekosongan jawatan melalui *JobsMalaysia Centre (JMC)*.

7. Selain itu, Kementerian turut menubuhkan *1Malaysia Outplacement Centre (1MOC)* melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi membantu pekerja yang dihentikan kerja, khususnya pekerja majikan yang diliputi di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah perkhidmatan maklumat portal dan aplikasi suaipadan pekerjaan, kaunseling, latihan dan penempatan pekerjaan. 1MOC turut dibuka kepada pekerja yang telah diberhentikan daripada syarikat yang tidak berdaftar dengan PSMB. Walaubagaimana pun, hanya pekerja daripada syarikat yang berdaftar dengan PSMB sahaja yang boleh menggunakan perkhidmatan latihan semula yang ditawarkan oleh 1MOC.

8. Kementerian juga sentiasa menjalankan pemantauan secara terperinci terhadap syarikat-syarikat yang terlibat agar mematuhi peruntukan undang-undang dari segi pembayaran faedah

penamatan kerja, notis penamatan dan lain-lain faedah kewangan. Majikan yang bercadang untuk menjalankan pemberhentian pekerja diwajibkan memberikan tempoh notis yang mencukupi kepada pekerja mereka mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan di bawah Seksyen 12 (2), Akta 265 serta diwajibkan membayar faedah pemberhentian kerja mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980. Kegagalan majikan untuk mematuhi peruntukan undang-undang yang ada melakukan satu kesalahan atau melanggar peruntukkan akta, apabila disabitkan, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap kesalahan.